

## **GOOD SAMARITAN LAW: SATU TINJAUAN KEPERLUAN KEWUJUDANNYA DI MALAYSIA**

**(Good Samaritan Law:  
A Look at the Necessity of its Implementation in Malaysia)**

\**Anis Shuhaida Md Salleh*  
*shuhaida@uum.edu.my*

*Yuhanif Yusof*  
*yuhanif@uum.edu.my*

Pusat Pengajian Undang-undang,  
Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,  
Universiti Utara Malaysia

Terbit dalam talian (*published online*): 1 Julai 2019

Sila rujuk: Anis Shuhaida Md Salleh dan Yuhanif Yusof. (2019). *Good Samaritans Law: Satu Tinjauan Keperluan Kewujudannya di Malaysia. Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(2), 203-218.

### **Abstrak**

Umumnya, tiada sebarang liabiliti atau implikasi perundangan dikenakan sekiranya seseorang enggan membantu individu lain yang berada dalam kesusahan. Namun begitu, atas dasar kemanusiaan dan nilai murni sesama insan beberapa negara telah mewujudkan *good samaritan law* dalam membantu menghalang seseorang daripada enggan tampil menghulurkan bantuan kepada orang yang cedera atau sakit kerana bimbang dikenakan implikasi perundangan sekiranya berlaku kecederaan yang tidak disengajakan atau kematian yang salah. Walaupun terdapat beberapa kesulitan terutamanya kepada mahkamah untuk menentukan pelaksanaan konsep niat baik, tahap kecemasan atau keperluan bertindak dan tahap munasabah sesuatu tindakan atau keputusan, kewujudan undang-undang seumpama itu memberikan galakan kepada budaya *good samaritan* (orang yang baik hati). Dalam melaksanakannya, penelitian dan budi bicara mahkamah amat dituntut supaya pihak yang dibantu tidak mendapat “kesakitan, kerosakan atau kecederaan berganda” apabila *good samaritan* dilindungi daripada sebarang liabiliti perundangan. Oleh itu, tujuan artikel ini adalah untuk mengkaji keperluan kepada kewujudan *good samaritan law* di Malaysia dengan melihat pengalaman Amerika Syarikat dan Australia. Artikel berbentuk konseptual ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan metod kajian perpustakaan.

Kata kunci: *Good Samaritan*, liabiliti sivil, kecemasan, *good faith*, implikasi perundangan

### ***Abstract***

*Generally, there is no liability or legal implication that is applied if one does not help another individual in trouble. However, on humanitarian grounds, several countries have implemented a ‘good Samaritan law’ which is meant to prevent people from refusing to come forward to help an individual who has been hurt or injured for fear of legal action due to unintentional injury or wrongful death. Although there exist numerous difficulties, especially in courts in determining the application of the concepts of good intention, the level of emergency and reasonable action or decision, the implementation of such a law encourages the ‘good Samaritan’ culture. In implementing this, the court’s detailed study and discretion is very much required so that the party that receives the help does not suffer increased “pain, damage or injury” when the “good Samaritan” is protected from legal liability. Therefore, the aim of this article is to study the necessity of the implementation of a “good Samaritan law” in Malaysia by looking at the experiences of the United States and Australia. This article is based on a qualitative study employing the library research methodology.*

**Keywords:** *Good Samaritan, civil liability, emergency, good faith, legal implications*

## **PENDAHULUAN**

Di Malaysia, budaya tolong-menolong dan ambil peduli terhadap keadaan sekeliling, jiran dan orang yang dalam kesusahan telah menjadi amalan turun-temurun dan budaya masyarakatnya. Hal ini termasuklah memberikan bantuan kecemasan kepada mangsa tanpa mengira sama ada si pelaku itu mempunyai kemahiran atau pengetahuan khusus mengenainya ataupun tidak. Bantuan dihulurkan tanpa memikirkan tindakan yang bakal dikenakan terhadapnya atau apa-apa implikasi buruk lain yang berkemungkinan menimpa dirinya ataupun mangsa. Namun demikian, hari ini, dalam era pembangunan negara budaya materialistik, sikap tidak ambil peduli dilihat semakin menular. Kehilangan budaya *good samaritan* atau orang yang baik hati yang mengambil berat dan membantu antara satu dengan yang lain adalah sesuatu yang perlu diberikan perhatian. Tanggapan bahawa tidak perlu mencampuri urusan orang lain, hatta membantu mangsa kemalangan, rompakan atau apa-apa kecemasan dengan alasan enggan terlibat dengan sebarang implikasi terhadap diri dan harta, serta tanggapan

bahawa urusan tersebut bukan tanggungjawab “saya”, bukanlah suatu hal yang pelik dewasa ini. Tambahan lagi, budaya ini dilihat semakin terhakis dengan wujudnya pelbagai bentuk jenayah, kaedah perlakuan jenayah dan jenis penjenayah yang menimbulkan perasaan takut dan curiga. Kesedaran masyarakat terhadap isu dan hak perundangan juga menyebabkan budaya atau cara hidup masyarakat berubah kepada lebih bersikap individualistik.

Ketiadaan undang-undang khusus di Malaysia yang berkaitan bagi melindungi si pelaku atau *good samaritan* terutamanya apabila perlakuan yang melibatkan implikasi perundangan merupakan kelompongan yang perlu dikaji secara lebih holistik. *Good samaritan law* atau disebut juga sebagai undang-undang *samaria* yang baik merupakan prinsip undang-undang yang murni bagi mengelak percanggahan antara undang-undang dengan moral seseorang individu. Secara praktisnya, mahkamah masih lagi mengelak daripada menggabungkan kedua-dua aspek ini dengan memberikan kebebasan diri individu. *Common law* tidak meletakkan kewajipan terhadap seseorang untuk bertindak membantu seseorang lain. *Common law* juga tidak memperuntukkan perlindungan terhadap tindakan atas dasar *good samaritan*. Kegagalan bertindak tidak menyebabkan tindakan dikenakan terhadap seseorang berdasarkan prinsip *pure omissions* seperti yang diketengahkan dalam kes *Smith v Littlewoods Organisation Ltd* [1987] A.C. 241. Namun begitu, jika dia bertindak membantu, dia dikehendaki di bawah prinsip *Common law* untuk membuat keputusan atau tindakan yang munasabah. Walau bagaimanapun, apa-apa kerosakan terhadap diri atau harta perlulah diberikan pampasan.

Artikel ini bertujuan melihat keperluan diwujudkan *good samaritan law* di Malaysia berdasarkan undang-undang di dua negara terpilih, iaitu Amerika Syarikat dan Australia yang berkemungkinan dapat dicontohi oleh Malaysia.

## PERBINCANGAN

Umumnya, seseorang individu tidak berkewajipan dari segi undang-undang untuk membantu orang lain yang memerlukan pertolongan. Seorang pengamal perubatan khususnya, tidak berkewajipan membantu individu yang lain selain daripada menjalankan tugas hakikinya. Dalam erti kata lain, tiada sebarang liabiliti atau tindakan perundangan dapat diambil sekiranya seseorang enggan membantu individu lain yang berada dalam kesusahan. Linden (1971) telah menggariskan beberapa sebab ketidakwujudan undang-undang awal yang meletakkan liabiliti terhadap seseorang untuk membantu

seseorang yang lain. Undang-undang berperanan membanteras individu daripada menyerang atau menyakiti satu sama lain lebih daripada memaksa mereka memberikan faedah kepada yang lain. Maksudnya, undang-undang menekankan kebergantungan kepada diri sendiri (*independence*) dan individualisme (*individualism*) dengan mengiktiraf kebebasan diri. Selain itu, tidak munasabah memaksa seseorang meletakkan dirinya dalam risiko kecederaan atau kematian untuk membantu orang lain. Selanjutnya, terdapat sebab-sebab pentadbiran seperti kesukaran untuk menentukan siapa yang harus dipertanggungjawabkan untuk membantu dalam keadaan yang ramai, kesukaran menentukan darjah bahaya seseorang sepatutnya didedahkan dalam membantu orang yang lain, dan berapa lamakah tempoh dia berkewajipan menjaga atau membantu orang yang dalam kecederaan atau nazak.

Sebaliknya, pengabaian terhadap pesakit atau orang yang memerlukan bantuan atas dasar tidak berkewajipan dari segi undang-undang menyebabkan berlakunya beberapa perlanggaran seperti prinsip tolong-menolong dalam agama Islam, Angkat Sumpah *Hippocratic*, serta moral seseorang. Agama Islam telah menggariskan kewajipan membantu mereka yang memerlukan melalui dalil dalam al-Quran dan sunnah. Sebagai contoh kewajipan menolong dalam agama Islam dapat dilihat melalui perintah Allah dalam al-Quran, *Surat Al-Maidah* (5) ayat 2 yang bermaksud: "... Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan."

Dalam hadis yang ke-36 daripada Hadis Empat Puluh ada menekankan konsep tolong menolong" "barang siapa yang melapangkan, meringankan atau menghilangkan kedukaan atau kesempitan seseorang lain di dunia, maka akan dilapangkan Allah kedukaannya di akhirat" (Mustafa Abdul Rahman, 1989). Sementara itu, menurut Angkat Sumpah *Hippocratic* yang menjadi kod etika dan asas dalam profesyen perubatan antaranya menekankan bahawa seseorang pengamal perubatan akan kekal sebagai anggota masyarakat dengan kewajipan khas kepada sesama manusia sama ada yang sihat atau yang lemah minda dan badan mereka.

Selain itu, sudah menjadi kebiasaan dalam diri seseorang yang sempurna moralnya untuk berasa bersalah membiarkan orang yang memerlukan pertolongan tanpa dibantu. Seseorang yang secara sukarela berasaskan rasa tanggungjawab moral atau agama akan bertindak membantu individu lain dalam keadaan kecemasan tanpa memikirkan risiko terhadap dirinya. Akibatnya, penyelamat (*rescuer*) atau orang yang membantu itu berkemungkinan berhadapan implikasi seperti cedera, meninggal atau dikenakan tindakan undang-undang akibat kegagalan atau kerosakan yang

wujud daripada tindakannya. Selain itu, tiada sebarang tuntutan ganti rugi dibenarkan kepada penyelamat akibat tindakannya membantu secara sukarela tersebut. Oleh itu, kewujudan undang-undang khusus yang melindungi penyelamat atau beberapa golongan tertentu daripada sebarang tindakan perundangan akan memacu semangat dan moral individu untuk membantu individu lain dalam kecemasan, serta mengurangkan konflik undang-undang dan moral seseorang individu adalah amat baik.

## METODOLOGI

Artikel ini merupakan kajian perundangan kualitatif, iaitu kajian perpustakaan yang tidak melibatkan teknik dan mekanisme kuantitatif seperti kajian bancian (Silverman, 2010). Sebaliknya, kajian ini mengandungi unsur perundangan, kajian peraturan perundangan, prinsip, konsep, kes yang diputuskan, institusi serta soalan perundangan (Yakin, 2007). Bagi mendapatkan data, penulis merujuk sebahagian statut di Amerika Syarikat dan Australia. Selain itu, pelbagai sumber seperti buku, artikel jurnal, kertas kerja persidangan yang diterbitkan dan tidak diterbitkan, surat khabar dan beberapa laporan telah dirujuk. Temu bual pakar digunakan bagi menyokong sesetengah pendapat dan hujah penulis.

## DEFINISI

Secara amnya, undang-undang *samaria* yang baik bermaksud undang-undang yang melindungi seseorang individu termasuklah anggota kesihatan yang bertindak dengan niat baik secara sukarela misalnya, menawarkan perkhidmatan kepada mereka yang terlantar di jalanan akibat kemalangan, mahupun dalam situasi kecemasan, daripada dikenakan tindakan perundangan. Doktrin ini merupakan prinsip perundangan yang melindungi penyelamat daripada sebarang tindakan perundangan atau disaman atas “salah laku” akibat perbuatan membantu. Menurut Matt (2018), undang-undang *samaria* yang baik diperkenalkan untuk menggalakkan individu yang menyaksikan keadaan kecemasan untuk membantu mereka yang memerlukan, dengan melindungi individu yang bertindak balas, daripada tindakan undang-undang sekiranya berlaku akibat kesan buruk daripada pertolongan baiknya. Dalam erti kata lain, undang-undang *samaria* yang baik ini membantu menghalang seseorang individu yang enggan tampil membantu orang yang cedera atau sakit kerana bimbang dikenakan implikasi perundangan sekiranya berlaku kecederaan yang tidak disengajakan atau kematian yang salah. Drabek (2000) menyatakan bahawa doktrin ini mula diperkenalkan untuk

melindungi pemberi bantuan pertama dan orang yang memberikan bantuan kemanusiaan di tempat bencana. Ringkasnya, *good samaritans* didefinisikan oleh mahkamah dalam kebanyakan kes sebagai *mere strangers, volunteers, officious meddlers, intermeddlers, or interlopers* (Dagan, 1999). Dalam beberapa peruntukan undang-undang, *good samaritans* didefinisikan secara khusus sebagai orang yang jujur (*good faith*) dan tanpa apa-apa jangkaan terhadap bayaran atau ganjaran, datang menolong orang lain, yang jelas cedera atau berada dalam risiko kecederaaan.

### **SKOP PEMAKAIAN PRINSIP UNDANG-UNDANG SAMARIA YANG BAIK**

Undang-undang *samaria* yang baik ini hanya akan terpakai jika bantuan yang diberikan telah dilakukan akibat kecemasan dan bantuan kecemasan ini dilakukan bukan dengan cara yang terlalu cuai atau melulu. Undang-undang *samaria* yang baik tidak melindungi orang yang berada di tempat kejadian (*bystander*) secara khususnya daripada apa-apa kesalahan secara mutlak, iaitu dengan menghalalkan tindak balas atau bantuan yang diberikan dalam apa-apa cara sekalipun. Perlindungan ini tidak termasuk tindakan cuai tanpa mengambil kira kepentingan orang lain atau tindakan yang secara sengaja dirangka untuk memudaratkan orang lain (Brandt, 1983). Begitu juga, tindakan melulu tidak dibenarkan tetapi tindakan yang dilakukan secara munasabah mengakibatkan kecederaan yang tidak disengajakan adalah dilindungi. Tindak balas individu itu akan diukur menggunakan standard “orang yang munasabah” (*reasonable man*). Pemakaian istilah dan tafsiran bagi maksud “orang yang munasabah” ini bergantung pada persepsi hakim. Selagi apa-apa tindakan yang diambil oleh orang *samaria* yang baik dalam pemikiran hakim ialah sikap orang yang munasabah, dia biasanya akan dilindungi. Dalam konteks doktor yang menawarkan perkhidmatan kepada mereka yang terlantar di jalanan akibat kemalangan mahupun dalam situasi kecemasan pula, standard yang diguna pakai ialah “doktor yang munasabah” (*reasonable doctor*). Istilah ini digunakan berdasarkan penghakiman mahkamah dalam kes *Wilsher v Essex Area Health Authority* [1987] 1 QB 730, iaitu:

*[a]n emergency may overburden resources, and, if an individual is forced by circumstances to do too many things at once, the fact that he does one of them incorrectly should not lightly be taken as negligence.*

## **CONTOH NEGARA YANG MEWUJUDKAN UNDANG-UNDANG KHUSUS**

Perkembangan undang-undang terutamanya undang-undang *tort* telah memperlihatkan kecenderungan menggalakkan seseorang memberikan bantuan kepada seorang yang lain. Namun begitu, penekanan dikenakan terhadap tanggungjawab undang-undang sahaja dan bukannya tanggungjawab moral. Jika doktor menolak atau mengabaikan untuk memberikan khidmat kepada mereka yang memerlukan bantuan tidak membawa kepada liabiliti kecuaian kerana tiada kewajipan yang dikenakan oleh undang-undang untuk menyelamatkan nyawa orang lain daripada bahaya. Sebaliknya, doktor hanya dikenakan kewajipan kemanusiaan dari aspek moral dan sosial sahaja seperti yang telah diputuskan dalam kes *R v Instan [1893] 1 QB 453*. Lord Coleridge telah berkata: “*It would not be correct to say that every moral obligation involves a legal duty but every legal duty is founded on a moral obligation*”.

Oleh itu, tiada kewajipan undang-undang untuk doktor bertindak melainkan jika undang-undang mengenakan kewajipan untuk berbuat demikian. Sebagai contoh, dalam kes *Capital and Counties Plc v Hampshire County Council and others* ([1997] 2 ALL ER 865), mahkamah telah memutuskan bahawa jika kemalangan jalan raya berlaku di tempat yang ada doktor, besar kemungkinan doktor akan memberikan bantuan perubatan, tetapi dia tidak terikat dari segi perundangan untuk melakukannya dan tidak merumuskan wujud hubungan doktor-pesakit antara mereka. Contoh seterusnya ialah kes *Bishara v Sheffield Teaching Hospital NHS Trust* ([2007] ALL ER (D) 415 (Mar)) apabila Bishara, ketika dalam pertemuan dengan seorang doktor, telah diserang oleh migrain dan meminta doktor untuk memanggil ambulans, tetapi dibiarkan begitu sahaja tanpa bantuan. Mahkamah memutuskan bahawa tidak wujud kewajipan berjaga-jaga oleh doktor kepada Bishara.

Akan tetapi apabila doktor bertindak sebagai *good samaritan*, maka kewajipan berjaga-jaga akan terpakai secara automatik kepadanya (Mason & Laurie, 2006). Hal ini berdasarkan prinsip mengemukakan diri *holding out*. Sebagai sokongan, mahkamah dalam kes *R v Bateman (1925) 19 Cr. App. R. 8* telah memutuskan bahawa:

*If a person holds himself out as possessing special skill and knowledge, and he is consulted as possessing such skill and knowledge, by or on behalf of a patient, he owes a duty to the patient to use due caution in undertaking*

*the treatment. If he accepts the responsibility and undertakes the treatment and the patient submits to his discretion and treatment accordingly, he owes a duty to the patient to use due diligence, care, knowledge, skill and caution in administering the treatment. No contractual relation is necessary, nor is it necessary that the service be rendered for reward, ...*

Dengan kata lain, undang-undang menekankan liabiliti terhadap tindakan cuai yang dilakukan mengakibatkan risiko bahaya lebih daripada semata-mata kegagalan untuk bertindak. Melalui prinsip undang-undang kecuaian yang memperuntukkan satu daripada syarat kewujudan kewajipan untuk bertindak adalah melalui wujudnya kewajipan berjaga-jaga. Kewujudan kewajipan berjaga-jaga ini ditentukan melalui ujian tertentu seperti prinsip kejiranan, ujian komposit, atau dengan wujudnya hubungan istimewa yang dipertanggungjawabkan oleh undang-undang untuk bertindak bagi faedah seseorang yang lain berdasarkan hubungan amanah atau melibatkan faedah ekonomi. Namun begitu, terdapat beberapa negara yang telah mewujudkan *good samaritan law* bagi menggalakkan amalan *good samaritan* dalam kalangan rakyatnya. Antaranya termasuklah Amerika Syarikat dan Australia.

## Amerika Syarikat

Teori perlindungan *good samaritan* telah sebulat suara diterima di Amerika Syarikat (Brandt, 1983). Sungguhpun begitu, Turner, Mohindra and Peterson (2014) menyatakan bahawa majoriti bidang kuasa di Amerika Syarikat tidak mengenakan tanggungjawab afirmatif sebagai sebahagian peruntukan undang-undang *good samaritan*. Sebaliknya, undang-undang memperuntukkan perlindungan dari segi tanggungan sivil dan/atau jenayah kepada mana-mana pihak yang memberikan bantuan kecemasan kepada pihak yang cedera dengan syarat kehendak statutori peruntukan tersebut dipenuhi. Beberapa negeri di Amerika Syarikat telah menggubal undang-undang khusus untuk memberikan pengecualian terhadap sebarang liabiliti sivil terutamanya kepada para doktor dan jururawat yang memberikan perkhidmatan dengan niat baik dalam keadaan kecemasan di luar tempat dan masa menjalankan pekerjaannya (Norman, 1963). Sebagai contoh:

*Alabama Code Title 6. Civil Practice § 6-5-332, 2006 Oklahoma Code Title 76. Torts, California Health & Safety Code § 1799.102 (2017), Good Samaritan Law Alaska Statute 09.65.090(a), Maryland Law 5-309; Courts and Judicial Proceedings § 5-309 dan Indiana Good Samaritan Law IC 16-31-6 Chapter 6. Immunity From Liability.*

Secara umumnya, walaupun wujud persamaan dalam peruntukan undang-undang antara negeri-negeri, namun terdapat beberapa aspek yang berbeza. Brandt (1983) menyatakan dalam penulisannya bahawa perbezaan ini melibatkan golongan yang dilindungi, keadaan kecemasan, tempat di mana perlindungan undang-undang tidak terpakai dan juga standard kelakuan penyelamat bagi memperoleh perlindungan ini. Sebagai contoh, terdapat bidang kuasa di Amerika Syarikat yang memberikan perlindungan daripada liabiliti sivil terhadap setiap orang yang memberikan bantuan. Terdapat sebahagian lain yang hanya melindungi para doktor yang memberikan bantuan perubatan di tempat sukan atau dalam proses memindahkan pesakit dari tempat kemalangan ke tempat kemudahan perubatan disediakan. Terdapat juga bidang kuasa yang memberikan perlindungan terhadap pengamal perubatan lain seperti jururawat, doktor gigi, juruteknik perubatan kecemasan, paramedik dan kakitangan ambulan yang disebut secara khusus dalam peruntukan.

Objektifnya jelas bahawa undang-undang tersebut adalah untuk menghilangkan rasa bimbang orang ramai terutamanya para doktor dan jururawat terhadap tindakan perundangan, serta memberikan galakan kepada mereka untuk membantu di tempat kemalangan atau situasi kecemasan. (Linden, 1971). Hal ini bertujuan untuk mengelak berlakunya kejadian apabila seseorang yang cedera dibiarkan tanpa bantuan sewajarnya walaupun terdapat doktor untuk merawatnya di tempat kejadian. Berdasarkan undang-undang *samaria* yang baik, elemen *good faith* masih menjadi prasyarat perlindungan. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa contoh kes yang dilaporkan seperti *Wallace v Hall* 145 Ga. App. 610, 244 S. E. 2d 129 (1978) apabila Mahkamah Rayuan Georgia menggunakan pakai peruntukan undang-undang *samaria* yang baik dan memutuskan bahawa defendant telah memenuhi kriteria statut berkaitan *good faith*. Begitu juga dalam kes *Gordon v Athens Convalescent Center, Inc.*, 146 Ga. App. 134, 245 S. E. 2d 484 (1978).

## Australia

Secara umumnya, hampir setiap bidang kuasa atau negeri di Australia menerima kewujudan undang-undang *samaria* yang baik untuk memberikan perlindungan kepada sukarelawan *good samaritan* yang memberikan bantuan dalam keadaan *good faith* daripada tindakan perundangan. Misalnya, *Guideline 10.5 Legal and Ethical Issues elated to Resuscitation* (2012) memperuntukkan bahawa:

*No “Good Samaritan” or “Volunteer” in Australia, or probably elsewhere, has ever been successfully sued for consequences of rendering assistance to a person in need. Indeed, legal protection is provided. They are required to act at least with “good faith” and “without recklessness”.*

Eburn (2010) menyatakan bahawa model perundangan yang diterima pakai pada setiap bidang kuasa atau negeri di Australia berkenaan perlindungan ini selari dan tidak bercanggah antara satu sama lain. Hal ini dapat dilihat daripada beberapa peruntukan undang-undang yang wujud seperti yang berikut:

*Civil Laws (Wrongs) Act 2002 (ACT) Civil Liability Act 2002 (NSW), Personal Injuries (Liabilities and Damages) Act (NT), Civil Liability Act 1936 (SA), Civil Liability Act 2002(Tas), Wrongs Act 1958 (Vic) dan Civil Liability Act 2002 (WA).*

Terdapat peruntukan khusus dalam undang-undang tersebut untuk menjadikan seseorang itu sebagai *good samaritan*. Tujuan peruntukan tersebut adalah untuk menggalakkan orang ramai membantu tanpa dibatasi oleh kepakaran atau kelayakan tertentu selagi dia bertindak secara *good faith*, tanpa apa-apa jangkaan bayaran atau ganjaran untuk menolong seseorang lain, yang secara jelasnya cedera atau berada dalam risiko dicederakan. Namun begitu, terdapat sedikit perbezaan pelaksanaan perlindungan ini antara semua bidang kuasa tersebut. Sebagai contoh, di Queensland perlindungan ini tidak terpakai terhadap semua *good samaritan*, tetapi hanya terpakai kepada beberapa golongan tertentu sahaja seperti doktor, jururawat dan sukarelawan organisasi tertentu yang bertindak secara *good faith* dan tanpa kecuaian yang ketara (*gross negligence*). Peruntukan ini dapat dilihat dalam *Civil Liability Act 2003* (Qld) dan *Law Reform Act 1995* serta *Civil Liability Regulations 2014*.

Persoalan yang utama dalam perlindungan undang-undang ini adalah tentang konsep *good faith*. Kriteria *good faith* telah digariskan dalam kes *Mid Density Developments Pty Limited v Rockdale Municipal Council [1993] FCA 408*. *Good Faith* mencakupi dua aspek, iaitu perbuatan tersebut dilakukan secara suci hati dan tanpa niat buruk untuk mencapai tujuan tersembunyi, dan terdapat cubaan yang tulen untuk melakukan sesuatu dengan betul. Dalam erti kata lain, sesuatu tindakan dilakukan dengan mengambil kira kewajarannya untuk dilakukan. Sebagai contoh, dalam kes *Medical Board of Australia v Dekker [2013] WASAT 182*, Tribunal Badan

Perubatan telah mendapati seorang doktor bertindak secara tidak wajar dan tidak profesional kerana gagal untuk berhenti dalam satu kemalangan, sebaliknya beliau telah memandu kereta ke balai polis untuk melaporkan kejadian tersebut. Tribunal mendapati bahawa kelakuan doktor itu tidak profesional kerana gagal berhenti tanpa memeriksa penghuni kereta untuk memastikan sama ada terdapat apa-apa kecederaan, atau sama ada dia dapat membantu. Tribunal memutuskan bahawa: “*It matters not that there is no existing professional relationship between a medical practitioner and the persons involved in the accident.*” Sekiranya dia tidak dapat membantu, dia sepatutnya menentukan tahap dan sifat kecederaan supaya keadaan mangsa kemalangan dapat dilaporkan kepada perkhidmatan kecemasan.

## CADANGAN KEWUJUDAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Berdasarkan perbincangan tersebut, penulis berpendapat bahawa telah tiba masanya Malaysia mempunyai peruntukan undang-undang berkaitan perlindungan liabiliti sivil terhadap *good samaritan* seperti Amerika Syarikat dan Australia. Menurut Rabi’ah (2019), walaupun terdapat Angkat Sumpah *Hippocratic* yang mengawal moral seseorang doktor, namun keengganan membantu di luar waktu bekerja tidak menjadi satu kesalahan di bawah undang-undang sedia ada. Keengganan tersebut berkemungkinan disebabkan pengetahuan doktor tersebut tentang kekurangan kemahirannya menggunakan sesuatu peralatan, kaedah yang betul untuk menyelamat atau implikasi lebih buruk yang akan terjadi daripada proses menyelamat tersebut. Sebagai contoh, jika seorang pakar mata berada di tempat kejadian di luar waktu kerjanya, dia berkemungkinan enggan membantu mangsa serangan jantung kerana kekurangan kemahirannya mengenai kaedah rawatan dan cara betul menggunakan peralatan yang berkaitan, serta mengetahui akibat buruk daripada kaedah bantuan yang salah. Keadaan ini akhirnya boleh mendedahkannya kepada tindakan perundangan. Oleh itu, amat perlu diwujudkan undang-undang yang melindungi bukan sahaja para doktor atau ahli perubatan yang membantu dalam kecemasan di luar waktu bekerja, malah skop perlindungan perlu diperluas kepada sesiapa sahaja yang membantu ketika kecemasan.

Walaupun kemungkinan terdapat sedikit kesulitan seperti yang dibincangkan, langkah proaktif daripada kerajaan perlu dilakukan supaya perasaan individualistik tidak menebal dan budaya *good samaritan* tidak terhakis pada masa akan datang. Pengalaman negara luar yang mengamalkan undang-undang sedemikian boleh dijadikan panduan, ikutan dan kayu ukur dalam penggubalan dan pelaksanaan undang-undang *samarita* yang baik

tersebut. Kajian yang lebih holistik perlu dijalankan supaya peruntukan dan pelaksanaan undang-undang sedemikian lebih harmoni dengan undang-undang sedia ada, dan hak pihak yang terlibat kekal terpelihara. Walaupun terdapat beberapa perbezaan dalam undang-undang antara bidang kuasa, negeri atau negara, namun wujud aspek kesamaan dalam tiga perkara yang dapat dilihat dalam undang-undang yang wujud. Aspek tersebut ialah perbuatan dalam keadaan kecemasan, niat yang baik, dan secara sukarela atau percuma. (Turner, Mohindra & Peterson, 2014).

Selanjutnya, aspek yang perlu diberikan perhatian dalam penggubalan undang-undang seumpama ini ialah penentuan:

(1) Pihak-pihak yang dilindungi undang-undang.

Pertimbangan harus dilihat dari segi pihak yang akan mendapat perlindungan undang-undang dan skop pemakaianya sama ada terhad kepada pekerja perubatan seperti doktor, jururawat, pembantu perubatan, pemandu ambulan dan sesiapa yang mempunyai latar belakang atau berkaitan dengan sektor perubatan sahaja atau mana-mana pemberi bantuan kecemasan di tempat kejadian. Selain itu, pertimbangan harus dilihat sama ada perlindungan perlu diberikan kepada individu yang memainkan peranan utama membantu sahaja atau kumpulan orang yang membantu. Sekiranya bantuan dilakukan secara berkumpulan atau pasukan penyelamat dan mengakibatkan kerosakan, kesakitan atau kemudaran terhadap mangsa, bagaimanakah kaedah penentuan bagi memberikan perlindungan undang-undang kepada mereka? Hal ini harus diteliti dan diberikan definisi agar undang-undang yang digubal tidak menimbulkan kesulitan dan pertikaian. Penentuan ini penting dalam menentukan standard berbeza bagi pihak yang berbeza. Definisi pihak yang dilindungi ini harus diperluas bukan sahaja kepada pekerja perubatan, malah termasuk juga *bystander* atau mereka yang tiada latar belakang perubatan. Hal ini akan menggalakkan orang ramai mengambil tahu dan mempelajari ilmu atau kemahiran asas dalam memberikan bantuan kecemasan di mana-mana sahaja (Rabi'ah, 2019).

(2) Tahap kecemasan atau keperluan bertindak.

Penentuan tahap kecemasan juga merupakan aspek penting dalam penggubalan undang-undang dengan mengambil kira sama ada imuniti undang-undang meliputi bantuan di tempat kecemasan (*scene of the accident*), dalam perjalanan ke pusat rawatan/hospital, atau di hospital sebelum diterima sebagai pesakit di hospital. Penentuan tahap kecemasan penting sebagai limitasi kepada imuniti yang diberikan undang-undang (Turner, Mohindra

& Peterson, 2014). Pertimbangan juga perlu dilihat dengan mengambil kira ancaman kehilangan nyawa, tahap keseriusan kecederaan atau kesakitan serta kewujudan fasiliti bersesuaian atau kakitangan yang berkaitan.

(3) Tindakan atau keputusan yang dikira munasabah untuk menyelamat.

Tindakan atau keputusan yang dibuat dalam kecemasan dan panik adakalanya kurang bijak dan kurang munasabah berbanding jika dilakukan dalam keadaan biasa. Sebaliknya, tindakan dan keputusan dilihat sebagai munasabah dalam keadaan kecemasan ketika emosi berada pada tahap yang tinggi dalam masa yang singkat untuk bertindak (Besser & Kaplan, 1993–1994). Hal ini berbeza daripada satu kes dengan kes yang lain bergantung pada keadaan setiap kes. Oleh itu, penentuan tahap munasabah bagi maksud perlindungan undang-undang bergantung pada pihak yang memberikan bantuan tersebut. Penelitian perlu diberikan untuk membezakan tindakan dalam niat baik, kecualian melibatkan *gross negligence*, melulu dan perlakuan yang melampaui batas (*wanton conduct*).

(4) Tahap perlindungan yang diberikan undang-undang.

Perkara yang menjadi persoalan ialah tahap perlindungan yang wajar diberikan oleh undang-undang terhadap orang yang membantu sama ada perlindungan secara total dalam erti kata tiada sebarang tindakan sivil mahupun jenayah dapat dikenakan atau sebahagian tindakan sahaja yang dilindungi. Selain itu, penelitian harus diberikan terhadap pembuktian, beban pembuktian dan pembelaan yang disediakan undang-undang kepada pihak yang terlibat sekiranya tuntutan dibawa ke mahkamah untuk diputuskan. Dalam keadaan semasa, terdapat syarikat yang menawarkan *Professional Indemnity Insurance* bagi melindungi para doktor terutamanya daripada kemungkinan dikenakan sebarang tindakan perundangan termasuklah yang dilakukan atas dasar *good samaritan*. Namun begitu, memandangkan kosnya yang tinggi, serta bukanlah kewajipan undang-undang semasa bagi setiap doktor milikinya, maka undang-undang perlindungan perlu diwujudkan bagi melindungi mereka yang melakukan *good samaritan* ini daripada sebarang tindakan perundangan (Rabi’ah, 2019).

Di samping kebaikan kewujudan undang-undang khusus yang melindungi *good samaritan* daripada implikasi perundangan dan menggalakkan amalan membantu, terdapat beberapa permasalahan berkaitan kewujudan undang-undang khusus seumpama ini. Antara kesulitan yang dijangka bakal dihadapi oleh mahkamah termasuklah menentukan pemakaian konsep niat baik,

tahap kecemasan atau keperluan bertindak dan tahap munasabah sesuatu tindakan atau keputusan. Hal sedemikian memerlukan penelitian dan budi bicara mahkamah supaya pihak yang dibantu tidak mendapat “kesakitan, kerosakan atau kecederaan berganda” apabila *good samaritan* dilindungi daripada sebarang liabiliti.

## KESIMPULAN

Ringkasnya, tiada peruntukan undang-undang *samarita* yang baik secara khusus di Malaysia yang mengkehendaki seseorang terutamanya doktor atau pekerja perubatan bertindak ketika kecemasan dan perlindungan diberikan terhadap mereka. Atas dasar etika perubatan dan kemanusiaan, *Good Medical Practice* yang dikeluarkan oleh *Malaysian Medical Council* menyatakan bahawa menafikan rawatan ketika kecemasan atau dalam keadaan yang mengancam nyawa atas ketidakupayaan pesakit untuk membayar adalah suatu perbuatan yang tidak profesional dan beretika. Peruntukan ini juga boleh disimpulkan sebagai menggalakkan *good samaritan*. Namun begitu, tiada peruntukan mengenai perlindungan undang-undang terhadap perkhidmatan yang diberikan atas dasar *good samaritan*.

Selain itu, tiada sebarang boleh dikenakan terhadap doktor yang gagal menghulurkan bantuan ketika kecemasan di luar tugasannya. Hal ini berbeza dengan keadaan di United Kingdom. Walaupun tiada peruntukan undang-undang yang mengkehendaki doktor yang tidak bertugas dikenakan kewajipan undang-undang untuk menawarkan bantuan sekiranya terserempak dengan mangsa kecemasan, namun tindakan disiplin boleh dikenakan terhadapnya jika dia gagal membantu (Jackson, 2010). Peruntukan Council menyebut bahawa:

*In an emergency, whenever it may arise, you must offer assistance, taking account of your own safety, your competence, and the availability of other options for care.*

Prinsip etika tidak mengikat mahkamah, tetapi mahkamah lazimnya mengiktiraf prinsip ini sebagai standard dalam menentukan sama ada doktor telah bertindak secara munasabah dengan tidak berhenti pada kemalangan jalan raya.

## RUJUKAN

*Alabama Code Title 6. Civil Practice § 6-5-332, 2006.*

‘Abdul Rahman, M. (1989). *Hadith 40 (Terjemahan dan Syarahannya)*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

Besser, A., & Kaplan, K. (1993). The Good Samaritan: Jewish and American Legal Perspectives. *Journal of Law and Religion*, 10(1), 193-219. Akses pada 13 Disember 2018 dari <https://www.jstor.org/stable/1051173>.

Bishara v Sheffield Teaching Hospital NHS Trust ([2007] ALL ER (D) 415 (Mar)).

Brandt, Eric A. *Akron Law Review* 17(2): 303-333, Fall 1983. Akses pada 10 November 2018 dari <https://www.uakron.edu/dotAsset/0b9e2436-8364-488b-98d7-0f3db9e11a0e.pdf>.

*California Health & Safety Code § 1799.102 (2017).*

*Capital and Counties Plc v Hampshire County Council and others ([1997] 2 ALL ER 865).*

*Civil Laws (Wrongs) Act 2002 (ACT).*

*Civil Liability Act 2002 (NSW).*

*Civil Liability Act 1936 (SA).*

*Civil Liability Act 2003 (Qld).*

*Civil Liability Act 2002(Tas).*

*Civil Liability Act 2002 (WA).*

*Civil Liability Regulations 2014.*

*Courts and Judicial Proceedings § 5-309.*

Dagan, Hanoch. (1999). In Defense of the Good Samaritan. *Michigan Law Review*, 97. Akses pada 20 Disember 2018 daripada <https://www.jstor.org/stable/1290282>.

Drabek TE. (2000). Pattern differences in disaster-induced employee evacuations. *International Journal of Mass Emergencies and Disasters*, 18(2), 289-315.

Eburn, M. (2010). *Volunteers and Good Samaritans*. Akses pada 13 Disember 2018 daripada [https://law.anu.edu.au/sites/all/files/users/u4810180/civil\\_liability\\_2010.doc](https://law.anu.edu.au/sites/all/files/users/u4810180/civil_liability_2010.doc)

Good Samaritan Law Alaska Statute 09.65.090(a).

Gordon v Athens Convalescent Center, Inc., 146 Ga. App. 134, 245 S. E. 2d 484 (1978).

*Guideline 10.5 Legal and Ethical Issues related to Resuscitation*. (2012). Akses 14 Januari 2018 daripada Australian and New Zealand Resuscitations Councils Guideline july-2012.pdf.

*Indiana Good Samaritan Law IC 16-31-6 Chapter 6. Immunity From Liability.*

Jackson, E. (2010). *Medical law: Text, cases and materials*. 2nd ed. London: Oxford University Press.

Laman Sesawang Malaysian Medical Council diakses daripada <http://www.mmc.gov.my/>

*Law Reform Act 1995*

- Linden, A. M. (1971). Rescuers and Good Samaritans. *The Modern Law Review*, 34, 241-259. Akses pada 13 Disember 2018 daripada <https://onlinelibrary.wiley.com/doi/abs/10.1111/j.1468-2230.1971.tb02325.x>.
- Mason, J.K. & Laurie, G.T. (2006). *Medical ethics*. 7nd ed. New York: Oxford University Press.
- Maryland Law 5-309*.
- Matt, S.B. (2018). Good Samaritan Laws: Will I be protected if I help? *The Nurse Practitioner*, 43(1), 52-54.
- Mid Density Developments Pty Limited v Rockdale Municipal Council [1993] FCA 408.
- Medical Board of Australia v Dekker [2013] WASAT 182.
- Muhammad Noor Haji Ibrahim, Abdullah Basmeh, 2010. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an (30 juzuk)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Oberstein, N. (1963). Torts: California Good Samaritan Legislation: Exemptions from civil liability while rendering emergency medical aid. *California Law Review*, 51(4), 816-822. Akses pada 10 November 2018 daripada <https://www.jstor.org/stable/3478944>.
- Oklahoma Code Title 76. Torts*.
- Personal Injuries (Liabilities and Damages) Act (NT)*.
- R v Bateman (1925) 19 Cr.App.R. 8.
- R v Instan [1893] 1 QB 453.
- Silverman, D. (2010). *Doing qualitative research*. London: Sage.
- Smith v Littlewoods Organisation Ltd [1987] A.C. 241.
- Temu bual bersama Dr. Rabi'ah binti Abdul Ghani (UD54), Pusat Perubatan Universiti Utara Malaysia, temu bual bersemuka, 4 April 2019.
- Turner, S. E., Mohindra, A. & Peterson, M., (2014). *Good Samaritan Laws: A comparative study of laws that protect first responders who assist accident victims*. Akses pada 2 April 2014 daripada <https://www.trust.org/contentAsset/raw-data/7be34cce-ea0d-4c90-8b39-53427acf4c43/file>
- Wilsher v Essex Area Health Authority [1987] 1 QB 730.
- Wrongs Act 1958 (Vic)*.
- Yakin, A. (2007). *Legal research and writing*. Kelana Jaya: Malaya Law Journal.

Diperoleh (*received*): 24 Januari 2019

Diterima (*accepted*) : 8 April 2019